

SOALAN NO. 164

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bantuan-bantuan yang Kementerian wujudkan kepada golongan OKU dan apakah penambahbaikan yang bakal diperkenalkan untuk golongan ini dalam masa 5 tahun akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kesejahteraan dan kepentingan golongan orang kurang upaya (OKU) sentiasa mendapat perhatian kerajaan dalam usaha mengintegrasikan golongan OKU dalam masyarakat. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan termasuk OKU supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.

Antara bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada golongan OKU adalah seperti berikut:

- (i) Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM300 sebulan diberi kepada OKU bekerja yang berpendapatan di bawah RM1,200. Skim ini adalah bagi memberi insentif kepada golongan OKU untuk

bekerja. Pada tahun 2013, JKM telah menyalurkan RM230.3 juta untuk manfaat 65,372 orang penerima dikalangan OKU.

- (ii) Skim Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar (BPT) dengan kadar RM300 sebulan seorang diberi kepada penjaga yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000 sebulan bagi mengurangkan beban kewangan penjaga yang menjaga mereka. Pada tahun 2013, JKM telah menyalurkan RM103.7 juta untuk manfaat 28,417 orang penerima dikalangan OKU.
- (iii) Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dengan kadar bantuan sebanyak RM150 sebulan diberikan kepada golongan OKU yang berusia antara 18 hingga 59 tahun dan tidak mampu bekerja. Pada tahun 2013, JKM telah menyalurkan RM65.5 juta untuk manfaat 37,545 orang penerima dikalangan OKU.
- (iv) Bantuan Alat Tiruan / Alat Sokongan (BAT) diberi kepada OKU yang tidak berkemampuan untuk membeli alat tiruan atau alat sokongan yang bersesuaian yang disyorkan oleh pegawai perubatan atau pakar

perubatan. Pada tahun 2013, JKM telah menyalurkan RM4.7 juta untuk manfaat 2,905 orang penerima di kalangan OKU.

- (v) Insentif dalam bentuk Geran Pelancaran (BGP) sebanyak RM2,700 secara sekaligus turut diberikan kepada golongan OKU yang mempunyai minat dan potensi untuk maju dengan mencebur ke bidang ekonomi atau aktiviti menjana pendapatan. Pada tahun 2013, JKM telah menyalurkan RM378,350 untuk manfaat 144 orang penerima di kalangan OKU.
- (vii) Pemberian Elaun Khas sebanyak RM150 sebulan diberikan kepada OKU yang mengikuti program pemulihan dalam komuniti dan pelajar OKU di bawah kelolaan pertubuhan sukarela kebajikan di 486 buah PDK di seluruh negara.
- (viii) Di samping itu, kerajaan juga melalui JKM dengan kerjasama *Japan International Cooperation Agency* (JICA) telah memperkenalkan **perkhidmatan Job Coach** sebagai salah satu inisiatif sokongan pekerjaan kepada golongan OKU. *Job Coach* berperanan sebagai penghubung antara majikan dengan pekerja OKU serta bertindak

membantu mereka membuat penyesuaian kepada persekitaran kerja dengan mengambil kira keupayaan OKU agar dapat bekerja dalam keadaan selesa dan produktif. Dalam hal ini, JKM telah memperuntukkan sebanyak RM300,000 dari tahun 2012 hingga tahun 2013, bagi memastikan perkhidmatan tersebut dilaksanakan dengan lancar. Setakat ini, hampir 30 buah syarikat swasta telah mengambil lebih kurang 600 orang OKU bekerja dengan menggunakan perkhidmatan *Job Coach*.

- (ix) JKM juga telah menubuhkan bengkel terlindung yang bertujuan untuk menempatkan dan menyediakan peluang pekerjaan untuk golongan OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran terbuka. Bengkel ini juga juga ditubuhkan untuk melatih mereka supaya berdikari dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu agar mereka mendapat lebih peluang bekerja di pasaran yang lebih terbuka. Pada tahun 2013, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM 1.5 juta kepada Bengkel Terlindung.

- (x) Program 1AZAM pula telah mencatatkan penyertaan sejumlah 140,976 orang di seluruh negara dari tahun 2010 hingga 31 Januari

2014. Daripada jumlah tersebut, 263 orang peserta program ini adalah golongan OKU.

Tuan Yang Dipertua,

KPWKM sentiasa berusaha bagi menambah baik perkhidmatan bantuan. Antara pelan jangka pendek yang diambil oleh Kementerian ialah dengan memperkasakan golongan OKU yang produktif untuk keluar daripada kepompong kemiskinan melalui pendekatan program *productive welfare* dan pelaksanaan *2 Years Exit Policy*. Melalui program ini, golongan OKU yang produktif akan dibangunkan melalui program penjanaan pendapatan agar mereka dapat berdikari dalam tempoh dua (2) tahun. Bagi memastikan kejayaan program ini, aktiviti dan proses berbentuk bimbingan, pemantauan dan seliaan secara berterusan dilaksanakan terhadap klien melalui kaedah kerja kes, kerja kumpulan dan kerja komuniti oleh pekerja kes yang berkemahiran tinggi dalam bidang kerja sosial.

Untuk pelan jangka panjang pula, kerajaan bersama-sama semua negara ahli di bawah *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UN ESCAP) telah menyatakan sokongan terhadap

deklarasi untuk OKU di peringkat rantau Asia dan Pasifik bagi tempoh 2013-2022. Kerajaan juga telah menerima pakai *Incheon Strategy to Make the Right Real for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific* yang menekankan usaha-usaha yang perlu diambil bagi merealisasikan hak OKU di rantau Asia dan Pasifik. Langkah ini merupakan salah satu strategi kerajaan untuk memperkuuhkan lagi kerangka dasar sedia ada dalam usaha mengarusperdanakan OKU serta memastikan penyertaan efektif mereka dalam masyarakat.